

# Malaysia muncul pengeluar kren terbesar di dunia

UM 28 MAR 2002

Oleh ABDUL RAZAK DIN

SHAH ALAM 27 Mac — Malaysia melalui Muhibbah Engineering Bhd. (Muhibbah), kini muncul sebagai pengeluar terbesar di dunia bagi kren besar.

Untuk menguasai pasaran dalam industri jentera berat ini, Muhibbah sedang membina jenama krennya sendiri yang dipanggil 'Bangau'.

Menurut Pengarah Urusan Muhibbah, Mac Ngan Boon berkata, melalui kerjasama serta teknologi yang dimiliki syarikat itu, Malaysia kini menghasilkan lebih 500 kren dengan 95 peratus pengeluarannya digunakan di luar negara.

Katanya, setiap kren berkenaan di pasaran dengan harga antara RM1 juta hingga RM30 juta.

Mac berkata, penghasilan kren tempatan ini, telah membantu menyekat pengaliran wang ke luar negara yang sebelum ini

kebanyakan adalah diimport oleh para penggunaanya.

"Kita kini menghasilkan kren terbesar di dunia dengan kemampuan mengangkat 240 tan berbanding pesaing terdekat 60 tan serta menara kren terbesar seberat 10,000 tan," katanya kepada *Utusan* dalam s&u pertemuan di pejabatnya di sini, hari ini.

Pelancaran kren jenama Malaysia yang membabitkan reka bentuk dan pembinaannya, dilakukan di negara ini, akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Klang, esok.

Penglibatan Muhibbah dalam industri kren bermula sejak 1995 apabila ia menguasai dua buah syarikat kren terkemuka dari Australia iaitu Kroll Cranes dan Favelle Favco.

Mac berkata, setelah menguasai syarikat berkenaan, Muhibbah melaksanakan beberapa pendekatan dengan memperkenalkan

pelbagai teknologi baru yang menjadikannya antara yang termoden di dunia.

Kren buatan Malaysia itu antaranya digunakan di tempat-tempat strategik dan keselamatan seperti di stesen janakuasa nuklear di Rusia.

"Sehingga kini, kita telah dapat memasarkan antara RM800 juta hingga RM900 juta produk jentera berat ini walaupun penglibatan kita baru kira-kira lima tahun yang lalu," katanya.

Beliau berkata, kren-kren ini kini banyak digunakan di pelantar minyak yang kebanyakannya digunakan oleh syarikat petroleum terkemuka seperti Shell, Esso, Conoco, Bumi Armada dan beberapa syarikat lagi.

"Kini 95 peratus daripada kren yang dihasilkan oleh Muhibbah digunakan untuk keperluan antarabangsa yang kebanyakannya di rantau Asia Pasifik, Indonesia, Singapura,

Thailand, Korea, China, Taiwan, Sweden dan Eropah," katanya.

Mac berkata, sambutan baik dan keyakinan pengguna membolehkan Muhibbah memiliki kilang pengeluaran di Australia, Denmark, Amerika Syarikat, Amerika Selatan serta Mexico.

"Kita sedang berunding untuk membina kilang kren terbaru di China dan Taiwan tidak lama lagi," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai masa depan industri ini, Mac berkata, Muhibbah yakin industri ini boleh berkembang melalui pembuatan pengkhususan.

"Kren boleh digunakan dalam banyak industri seperti, pelabuhan, pembinaan, minyak dan gas dan berbagai lagi dan kami sedang menumpu untuk memenuhi permintaan dalam sektor ini," kata beliau lagi.